

# ورتا فنرشن Warta Penerangan



NOVEMBER 2018





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
**Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



## Isi Kandungan

## Muka

Cenderamata Sambutan Jubli Emas	5
Sekitar Aktiviti Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam	6 - 7
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-28 Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura	8 - 9
Kumpulan INFOFOTO Jabatan Penerangan naib juara KKC Kebangsaan	10 - 11
PMP rapatkan hubungan kerajaan – rakyat	12
Program Sua Muka Sebar maklumat rasmi	13 - 15
Dekati pelajar melalui aktiviti terpimpin	16 - 17
Semai semangat patriotik dalam kalangan pelajar	18
Jabatan Penerangan semai semangat patriotisme pelajar	16
Semai semangat patriotisme pelajar	17
Tanai tanggungjawab,kekalkan keharmonian masyarakat	18
PMB tingkatkan pengetahuan, barigakan usaha kerajaan	19
Jabatan Penerangan terima rombongan pelawat	20
Majlis Penyampaian Sijil penempatan kerja	21
Aktiviti dan kegiatan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di sepanjang bulan November 2018	22
Poster Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	23

**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Cenderamata Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki Takhta



# Sekitar Aktiviti Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallalla

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Jabatan Penerangan dengan gabungan kerjasama Ahli Jawatankuasa Mantan alumni Jabatan Penerangan. Juga hadir ialah Mantan-mantan Pengarah Penerangan, antaranya Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.**

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 November.— Sempena memperingati hari kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, berbagai aktiviti dan acara-acara keagamaan telah diungkayahkan oleh berbagai lapisan masyarakat di negara ini dan tidak terkecuali bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Jabatan Penerangan bersama gabungan kerjasama Ahli Jawatankuasa Mantan alumni Jabatan Penerangan telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Auditorium Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir ialah Mantan-mantan Pengarah Penerangan, antaranya Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman; Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Turut hadir, para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang bersara dan juga berpindah ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.



**PENOLONG Pegawai Bimbingan Bakat Kerja, Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Awang Abdul Mu'iid bin Hariel semasa menyampaikan ceramah pada majlis tersebut.**

# Ahnu Alaihi Wasallam bagi tahun 1440 Hijrah / 2018 Masehi



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta Ahli Jawatankuasa Mantan alumni Jabatan Penerangan pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Juga hadir ialah Mantan-mantan Pengarah Penerangan, antaranya Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.**

Selain untuk memanjatkan rasa syukur, majlis juga bertujuan menyatupadukan seluruh warga Jabatan Penerangan dalam mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan serta mengikat tali persaudaraan dalam kalangan warganya tidak mengira pangkat, jawatan dan umur sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara atau berpindah.

Dalam menyemarakkan bulan yang mulia ini, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan turut menyertai berbagai aktiviti keagamaan seperti majlis dikir di masjid-masjid, Perarakan Maulud Nabi dan majlis-majlis sambutan memperingati kelahiran Baginda.



**PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menghadiri majlis dikir di masjid-masjid.**



**PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menyertai Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di ibu negara.**



**MESYUARAT Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Kali Ke-28 bagi Kerjasama di Bidang Penyiaran dan Penerangan di antara Kerajaan Republik Singapura.**

## Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-28 Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura banyak beri manfaat

Oleh: Unit Penerbitan Melayu / Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 2 November. – Kerjasama di Bidang Penyiaran dan Penerangan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Pemerintah Republik Singapura terus dipertingkatkan lagi dengan adanya Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Kali Ke-28 yang diadakan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri di sini.

Delegasi Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Setiausaha Tetap, di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Datin Shazainah binti Pengiran Dato Paduka Sharifuddin dan delegasi Republik Singapura diketuai oleh Setiausaha

Tetap, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura, Tuan Yang Terutama Gabriel Lim.

Mesyuarat tersebut antara lain membincangkan beberapa perkara yang menyentuh hala tuju, projek-projek dan kegiatan-kegiatan yang telah dan akan diungkayahkan bersama dalam bidang penyiaran dan penerangan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan, Negara Brunei Darussalam bersama Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura; Pihak Berkuasa bagi Info-Komunikasi dan Pembangunan Media Singapura serta Syarikat Penyiaran Republik Singapura, MediaCorp Pte. Ltd.



*aan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Pemerintah*

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta para pegawai dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Setiausaha Tetap, di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Datin Shazainah dalam ucapannya turut melahirkan keyakinan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura boleh bekerjasama dengan lebih rapat melalui pengalaman yang dapat dikongsikan dan diperoleh di bidang Penyiaran dan Penerangan, yang mana kedua-dua buah negara telah lama berkolaborasi dalam bidang-bidang tersebut dalam menghasilkan banyak program terbitan bersama.

Adalah penting bagi agensi-agensi yang terlibat dalam kerjasama ini untuk mengkaji keberkesanan dan kesan program-program terbitan tersebut bagi memastikan manfaat secara maksima dan seterusnya memperkuatkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.



*DELEGASI kedua buah negara ketika bergambar ramai.*



*ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa hadir pada majlis pembukaan mesyuarat tersebut.*

# Kumpulan INFOFOTO Jabatan Penerangan naib juara KKC Kebangsaan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



**KUMPULAN INFOFOTO** ketika bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 November.- Kumpulan INFOFOTO dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri muncul naib juara pada Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan Ke-21, 2018 yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Pada konvensyen tersebut, Kumpulan INFOFOTO telah membawakan projek mereka dengan tajuk 'Permohonan Gambar Negatif Filem Lambat Diproses (Pilot Projek Tahun 1992)' sekali gus menerima hadiah wang tunai BND4,000 berserta piala iringan dan sijil.

Juara di konvensyen tersebut disandang oleh Kumpulan GST dari Jabatan Ukur dengan membawakan projek "Kelewatan Mengemas Kini Rekod Pengeluaran Barang Guna Habis".



**KUMPULAN INFOFOTO** ketika memperagakan lakonan mereka pada konvensyen tersebut yang membawakan projek bertajuk "Permohonan Gambar Negatif Filem Lambat Diproses".



**KUMPULAN BERJASA** merupakan pasukan kedua Jabatan Penerangan yang layak bertanding di peringkat akhir pada Konvensyen KKC tersebut.

Penyampaian hadiah Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap di JPM, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah.

Dalam kategori persempahan terbaik Kumpulan INFOFOTO juga telah menduduki tempat ketiga sekali gus membawa pulang hadiah lima ratus ringgit bersama sijil.

Kumpulan INFOFOTO terdiri daripada Awang Mohammad Azmi bin Awang Damit; Awang Haji Ariffin bin Mohamad Noor@Morshidi; Dayang Hajah Marhani binti Haji Abd.Rahman; Awang Md.Hatral Hazmi bin Haji Abd.Hamid; Dayang Jurainah binti Haji Jait dan Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad.

Manakala Pasukan kedua Jabatan Penerangan ke konvensyen tersebut ialah Kumpulan BERJASA dari Unit Kenegaraan dengan membawa tajuk projek, 'Penggunaan Kertas Yang Terlalu Banyak Dalam Menjemput Peserta Program Perkampungan Sivik'.

Mereka terdiri dari Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini@Bahrin, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh, Awang Mohd. Arif bin Metali, Awang Nordy bin Tabong, Awang Md. Nor Amirudin bin Haji Brahim dan Awang Haji Abd. Azim@ Haji Mu'az bin Haji Tujoh.



*SALAH satu aksi yang disampaikan oleh KUMPULAN BERJASA di Konvensyen KKC peringkat akhir tersebut.*



*SEBAHAGIAN daripada peserta dari Jabatan Penerangan semasa hadir pada Konvensyen KKC peringkat akhir.*

## PMP rapatkan hubungan kerajaan – rakyat

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah

**S**ENGKURONG, Khamis, 22 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Sengkurong yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan mukim tersebut.

Program muzakarah dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Program tersebut dihadiri oleh penghulu dan ketua-ketua kampung dari mukim berkenaan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi kerajaan, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Ahli-ahli Takmir dan Muslimah Masjid, serta penduduk-penduduk kampung mukim tersebut.

Antara tujuan program ialah memberikan peluang kepada penduduk mukim untuk mengutarakan isu-isu permasalahan yang dihadapi bagi pertimbangan pihak agensi-agensi kerajaan dan dalam masa yang sama juga memberikan ruang kepada agensi-agensi kerajaan untuk memberikan penerangan dan penjelasan kepada penduduk mukim mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Selain itu, program juga dihasrat dapat merapatkan hubungan mesra yang sedia terjalin di antara kerajaan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya dengan penduduk mukim.

Dengan adanya pihak kerajaan bersemuka dengan masyarakat secara langsung jelas memperlihatkan kepekaan dan sikap pemeliharaan kerajaan dalam memastikan rakyat dan penduduk hidup dengan aman dan sejahtera sekali gus dapat mengangkat kredibiliti di mata rakyat dan penduduk.



*SEBAHAGIAN daripada penduduk Mukim Sengkurong semasa hadir pada program tersebut.*



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa berucap pada Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Sengkurong di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bengkurong.*

# Program Sua Muka sebar maklumat rasmi

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah/Muhammad Asri Haji Awang Abas/  
Ak.Syiaruddin Pengiran Dauddin



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama penduduk Mukim Kiudang semasa Program Sua Muka.**

**T**UTONG, Sabtu, 3 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menerusi Cawangan Penerangan Daerah Tutong dan Cawangan Penerangan Daerah Temburong meneruskan Program Sua Muka secara berasingan di empat buah kampung di bulan November ini.

Program dihasrat untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat di negara ini memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan selain menjadi platform bagi mendapatkan isu-isu, pendapat dan cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Antara perkara yang dikongsikan semasa perjumpaan tersebut ialah mengenai dengan penyebaran berita atau maklumat palsu yang boleh menjelaskan ketenteraman, menimbulkan kekeliruan dan ketakutan kepada orang ramai di samping memperkenalkan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN' dan seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi 'InfoDeptBN' melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung pada program-program tersebut antaranya ialah seperti pemancaran siaran televisyen tempatan

dan signal telefon, keselesaan tempat pembuangan sampah, prasarana jalan raya di samping hal ehwal kebajikan awam. Turut dibangkitkan ialah perkongsian maklumat melalui media cetak dan stesen radio tempatan.

Program pertama yang diadakan pada bulan ini ialah ke Mukim Kiudang iaitu pada 3 November sebelum diteruskan pada 10 November ke Kampung Kiudang/Mungkom dan Kampung Pad Nunok.

Program kemudian dilanjutkan ke Kampung Rataie Daerah Temburong pada 24 November dan 27 November bagi Kampung Birau/Luagan Timbaran dan Kampung Bakiau/Pengkalan Mau, Daerah Tutong.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada program tersebut.**

## Sekitar Program Sua Muka Jabatan Penerangan



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa melakukan perjumpaan bersama penduduk Kampung Kiudang/Mungkom dan Kampung Pad Nunok dalam Program Sua Muka yang diadakan di Pusat Kemasyarakatan Kampung Pad Nunok, Mukim Kiudang pada 10 November lepas.**



**PROGRAM Sua Muka ketika diteruskan ke Kampung Rataie, Daerah Temburong. Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada program berkenaan yang diadakan di kediaman Ketua Kampung, Awang Haji Moslim bin Haji Salleh pada 24 November.**



**PARA penduduk Kampung Rataie ketika bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa program tersebut diadakan.**



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika berucap pada Program Sua Muka yang diadakan di Kampung Birau/Luagan Timbaran dan Kampung Bakiau/Pengkalan Mau pada 27 November lalu.**



**PENDUDUK Kampung Birau/Luagan Timbaran dan Kampung Bakiau/Pengkalan Mau semasa menghadiri program tersebut.**

## Dekati pelajar melalui aktiviti terpimpin

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Hamzah Mohidin/ Muhammad Asri Haji Awang Abas/ Ak.Syi'aruddin Pengiran Dauddin

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 November. - Sebagai usaha Jabatan Penerangan menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar di negara ini sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya telah mengadakan program yang diberi nama Program Rakan Remaja Penerangan (RRP).

Objektif program tersebut adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling mereka melalui taklimat serta aktiviti-aktiviti terpimpin.

Antara aktiviti tersebut ialah Taklimat Kenegaraan yang bertajuk Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, tayangan klip video Kibarkan Bendera Negara Kitani dan Animasi Tatacara Mengibarkan Bendera serta persembahan pentas termasuk lawak jenaka.

Pada bulan ini beberapa buah sekolah telah menjadi tumpuan bagi program ini iaitu Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar, yang diadakan pada 17 November diikuti Sekolah Menengah Rimba (SM Rimba) I pada 22



*SALAH seorang pelajar yang berjaya menjawap soalan kuiz menerima hadiah dari Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.*

November dan pada 27 November di Maktab Anthony Abell Seria.

Seperti lazimnya program akan didahului dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan “Allah Peliharakan Sultan” dan Lagu Patriotik ‘Bendera Negara’ dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan doa selamat.



*SALAH satu adegan lawak jenaka yang disampaikan oleh artis tempatan pada program tersebut (atas kiri). Manakala (atas kanan) sebahagian pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna semasa menyaksikan program tersebut diadakan.*

## Program Rakan Remaja Penerangan



**KETUA Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah ketika mengetuai rombongan Jabatan Penerangan semasa mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Rimba (SM Rimba) I pada 22 November.**



**KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sallehuddin ketika menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang diadakan di Maktab Anthony Abell Seria pada 27 November lepas.**

# Tanai tanggungjawab,kekalkan keharmonian masyarakat

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Hernie Suliana Haji Othman/Noraishah Muhammed

**B**UKIT SAWAT, Selasa, 13 November. – Program Awasi Anak Kitani yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim seluruh negara secara berterusan di keempat-empat daerah.

Selain dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dan perangkap dadah serta isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri, ia juga bertujuan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa atau penjaga.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui

## Mukim Bukit Sawat



**PEMANGKU** Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya ketika menyaksikan pameran dari Biro Kawalan Narkotik.



**BAHAN**-bahan terbitan Jabatan Penerangan turut dipamerkan pada program tersebut untuk dijual.

Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Cawangan Penerangan Daerah Tutong telah mengadakan program tersebut secara berasingan.

Pada 13 November program tersebut diadakan di Mukim Bukit Sawat dan 26 November di Mukim Lamunin dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd.

Program dihadiri oleh penghulu mukim, ketua-ketua kampung dari mukim berkenaan, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Ahli Takmir dan Muslimah Masjid, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta penduduk mukim yang terbabit.

## Mukim Lamunin



**UCAPAN** alu-aluan Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sallehuddin pada program tersebut.



**ANTARA** penduduk yang hadir pada program tersebut.

# PMB tingkatkan pengetahuan, barigakan usaha kerajaan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Pg. Amirul Nizam Pg.Hj.Md Ali/Muhammad Asri Haji Awang Abas



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bergambar ramai bersama para penduduk pada program tersebut.**

**T**EMBURONG, Selasa, 13 November. - Jabatan Penerangan melalui cawangannya Daerah Temburong meneruskan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok yang diadakan di Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar.

Program tersebut merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan, dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui taklimat-taklimat dan juga lawatan-lawatan yang diharap dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Program disertai oleh 19 orang penduduk kampung dengan diketuai oleh Pemangku Penghulu Mukim Bokok, Awang Ambol Anak Bakit, yang juga merupakan Ketua Kampung Lepong Baru.

Antara perkara yang disentuh oleh Pengerusi PMB, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin termasuklah visi dan misi program tersebut selain usaha-usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Turut menyampaikan taklimat pada program tersebut

termasuklah beberapa buah agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Keusahawanan dari Darussalam Enterprise (DARe), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.



**TURUT menyampaikan taklimat pada program tersebut ialah pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.**



**PARA peserta program semasa dibawa melawat ke sebuah perusahaan pertanian di Kampung Masin.**

## Jabatan Penerangan terima rombongan pelawat

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Pg.Amirul Nizam Pg.Hj.Md Ali/ Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ERAKAS, Sabtu, 10 November. – Jabatan Penerangan telah menerima lawatan dari beberapa rombongan pelawat di sepanjang bulan November.

Semasa lawatan, rombongan pelawat telah diberikan taklimat ringkas mengenai struktur organisasi dan strategi-strategi kerja Jabatan Penerangan selain visi, misi, objektif serta tiga strategi kerja Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat mengenai kerajaan kepada penduduk di negara ini dengan mengadakan komunikasi bersemuka, pengedaran atau pembarigaan bahan-bahan terbitan.

Semasa lawatan rombongan juga dibawa melawat ke beberapa bahagian seperti ke Bahagian Pelita Brunei, Pusat Rujukan Penerangan dan Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

Rombongan pelawat pertama yang mengunjungi Jabatan Penerangan pada bulan ini ialah seramai 42 peserta daripada negara-negara ASEAN dan Jepun yang mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-45 pada 10 November lepas.

Manakala rombongan pelawat kedua ialah seramai 51 orang murid Tahun 1 dan 2 dari Sekolah Rendah Sungai Liang, Daerah Belait dan diikuti seramai 16 orang murid serta dua orang guru pengawas dari Sekolah Ugama Beribi.



*BUKU-buku terbitan Jabatan Penerangan turut menarik perhatian sebahagian peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara.*



*SEBAHAGIAN peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara semasa melawat ke Bahagian Pelita Brunei.*



*MURID-murid Tahun 1 dan 2 dari Sekolah Rendah Sungai Liang, Daerah Belait semasa melawat ke Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.*




*MURID-murid Sekolah Ugama Beribi bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan.*

# Majlis Penyampaian Sijil penempatan kerja

Foto dan Teks: Unit Penerbitan Melayu



**DAYANG** Nor Raihan binti Mohd. Zaki semasa menerima sijil penghargaan dari Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



**SALAH** seorang pelajar dari Maktab Anthony Abell melakukan tugas-tugas yang diberikan semasa dalam tempoh penempatan di Cawangan Penerangan Daerah Belait.

**B**ERAKAS, Sabtu, 10 November.- Seramai 7 orang dari dua buah institut pengajian tinggi yang mengikuti Program Penempatan Kerja di Jabatan Penerangan sehingga bulan November menerima sijil masing-masing setelah tamat tempoh penempatan.

Mereka ialah Dayang Nor Raihan binti Mohd. Zaki, Awang Muhammad Adi Wafiuuddin bin Haji Roselinei, Dayangku Hazirah binti Pengiran Saifuzzaman dan Dayang Siti Kamaliah binti Seruji dari Universiti Brunei Darussalam.

Mereka menjalani penempatan kerja di Jabatan Penerangan selama tiga bulan bermula dari bulan Ogos-November 2018 di Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei dan Unit Penerbitan Inggeris 1.

Majlis Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Manakala itu tiga orang pelajar dari Maktab Anthony Abell, Seria juga turut menamatkan program penempatan mereka di Cawangan Penerangan Daerah Belait yang bermula dari bulan April, Julai, Ogos, Oktober dan November.

Mereka ialah Andyson aniel Nyuren Anak Sampai, David Anak Tony dan Muhammad Zakir bin Abdullah Islami.



**DUA** orang mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam yang menjalani program penempatan kerja di Jabatan Penerangan (Bahagian Pelita Brunei) menerima sijil masing-masing setelah tempoh penempatan berakhir.



## Aktiviti dan kegiatan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di sepanjang bulan November 2018



PEGAWAI Penerangan, Awang Ali Termizi bin Haji Ramli/Haji Ramli menerima sijil penghargaan semasa menyertai Jerayawara Jabatan Keselamatan Dalam Negeri di The Mall Gadong (atas kiri). Manakala (atas kanan) orang ramai semasa mengunjungi petak pameran Jabatan Penerangan .



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa bertugas dan menghadiri Majlis Ilmu 2018 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.



PEGAWAI dan kakitangan dari Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media dan Unit Fotografi semasa bertugas dalam beberapa acara pada bulan ini.

## مقرنكلان اقليكاسي موده اليه جابتن فنزعن Memperkenalkan **Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan**



- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
  - Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
  - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

### **Gunakanlah Aplikasi Kami!**

  
Muat turun mudah dan pinta dengan mengimbas pautan KodQR iOS

  
Muat turun mudah dengan mengimbas pautan kodQR Google Playstore

 Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam     infodept.bn     infodept\_bn

[www.penerangan.gov.bn](http://www.penerangan.gov.bn) | [www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) | [www.pelitabruni.gov.bn](http://www.pelitabruni.gov.bn) | [www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn)

## **InfoDeptBN** Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

### **CARA MUAT TURUN APLIKASI MUDAH ALIH JABATAN PENERANGAN DALAM 2 LANGKAH**

**LANGKAH 1**  
**CARI APLIKASI & MUAT TURUN**  
Ada dua cara mendapatkan Aplikasi Mudah Alih ini ke dalam peranti awda, iaitu melalui Google Playstore (Android) dan App Store (iOS).

Pilih InfoDeptBN untuk memuat turun dan tekan "Install" dan "Open."



Imbas pautan KodQR

 Available on the App Store     GET ON Google Play

**LANGKAH 2**  
**PELANCARAN APLIKASI**  
Itu sahaja! Sekarang awda boleh pergi ke menu dan melancarkan aplikasi yang telah dimuat turun.



[www.penerangan.gov.bn](http://www.penerangan.gov.bn) | [www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) | [www.pelitabruni.gov.bn](http://www.pelitabruni.gov.bn) | [www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn)

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



[infodept.bn](http://infodept.bn)



[infodept\\_bn](https://twitter.com/infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**